

Teknologi cahaya serlah keunikan kempen TMM07

Oleh Hasliza Hassan

CITRAWARNA Malaysia 2007 dilancarkan dalam suasana gilang-gemilang di Dataran Putrajaya pada 26 Mei lalu, berjaya menonjolkan kelainan apabila Kompleks Mahkamah Keadilan di Putrajaya dijadikan layar lebar kepada persembahan yang menampilkan kepelbagaian budaya kaum di negara ini.

Persembahan malam itu ibarat satu persembahan teater yang menceritakan sejarah negara bermula daripada kehidupan masyarakat zaman dulu, kini dan Malaysia akan datang. Uniknyanya, persembahan itu terpancar daripada bangunan yang tersergam indah, bukan kain putih seperti kebiasaannya.

Pihak bertanggungjawab memperkenalkan teknologi canggih itu ialah MST AD Suria Sdn Bhd (MST AD Suria), syarikat yang membawa buaian roda 'Eye on Malaysia' yang menjadi tarikan utama di Taman Tasik Titiwangsa sepanjang Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM07).

Pegawai Eksekutifnya, Widyanty Yusope, berkata MST AD Suria berbangga kerana dapat membawa teknologi projektor pencahayaan lampu yang masih asing di negara ini untuk diperkenal seterusnya berkongsi ilmu itu dengan syarikat tempatan.

Sebagai permulaan, pihaknya memastikan persediaan persembahan Citrawarna Malaysia 2007 yang menggunakan kepakaran dari Australia itu, dijayakan seratus peratus oleh tenaga kerja anak tempatan.

"Matlamat kita ialah meminjam kepakaran dan teknologi luar untuk dipindah serta dikuasai anak tempatan. Sebab itu, kita bawa pakar dari luar, tetapi memastikan tenaga kerja termasuk bahan serta kontraktor, adalah tempatan. Kita mahu buktikan anak tempatan juga mampu bersaing dan menghasilkan acara besar setanding syarikat luar negara. Itulah matlamat MST AD Suria, bukan saja memperkenalkan teknologi baru, malah mengajak mereka yang berminat menguasai teknologi itu," katanya.

Bertemakan 'Sejuta Warna, Sejuta Senyuman', persembahan Citrawarna Malaysia 2007 membolehkan rakyat negara ini melihat objek, pemandangan serta corak menarik yang dipancarkan melalui projektor pencahayaan di bangunan Kompleks Mahkamah Keadilan di Putrajaya.

Acara yang masuk tahun kesembilan itu berjaya menarik perhatian 70,000 rakyat termasuk pelancong asing yang setia membanjiri sepanjang jalan di hadapan kompleks berkenaan sejak petang lagi.

Majlis penuh warna-warni yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu turut disaksikan 800 wakil media asing dan ejen pelancongan dari 36 negara asing termasuk Jepun, Korea Selatan, Mesir, Perancis, Turki, Itali, Be-

landia, Australia dan Russia yang diundang khas.

Selain itu, pelancaran Citrawarna Malaysia 2007 yang dimulakan dengan tarian budaya, pertunjukan fesyen batik dan persembahan balet basikal turut disiarkan oleh 47 stesen televisyen antarabangsa.

Persembahan Citrawarna Malaysia 2007 membabitkan 1,400 peserta dibahagi kepada empat segmen iaitu sambutan 50 tahun kemerdekaan, budaya unik masyarakat pelbagai kaum, warna Malaysia dan semangat kenegaraan. Kemuncak persembahan ialah percikan bunga api selama lima minit.

Memiliki pengalaman selama tujuh tahun dalam bidang pengurusan acara, Widyanty berkata, untuk lari daripada kebiasaan pihaknya sentiasa cuba menampilkan kelainan dengan menghasilkan sesuatu yang baru dalam setiap projek mereka.

Katanya, beliau bertuah kerana mempunyai kumpulan sokongan yang sentiasa berusaha melahirkan idea serta konsep inovatif menggunakan teknologi terkini bagi memastikan masyarakat dapat mengenal seterusnya mempelajari ilmu baru.

"Tidak kira dalam apa bidang pun, bantuan teknologi canggih dan terkini akan membuka dimensi baru dalam penghasilan program selain membuka mata dunia bahawa Malaysia juga mampu menghasilkan acara bertaraf antarabangsa.

"Kerana itu kami sentiasa percaya dengan konsep yang diperkenalkan dan yakin hasilnya juga nanti terbaik. Kami mendapatkan mereka yang pakar kerana percaya rakyat Malaysia cepat belajar dan boleh menguasai ilmu demi manfaat bersama," katanya.

Walaupun penampilannya nampak lembut, anak kelahiran Pulau Pinang itu mengakui agak tegas terutama dalam perkara membabitkan tugas dan ketepatan masa selain memandang serius setiap aduan diterima mengenai mutu perkhidmatan syarikatnya.

Berkongsi perancangan terbaru MST AD Suria, beliau yang memiliki latar belakang dalam bidang pelancongan berkata, pihaknya sedang melihat peluang menganjurkan acara besar membabitkan pelancongan negeri bagi memperkenalkan destinasi terkenal kepada pelancong sempena TMM07.

Selain Eye on Malaysia, MST AD Suria bertanggungjawab membawa tarikan 'Theatre of The Waters', skrin air terbesar di dunia yang memaparkan keindahan Malaysia dalam bentuk bayangan dan kilauan lampu berwarna-warni.

Skrin bersaiz 40 meter lebar dan 15 meter tinggi itu terletak di empat lokasi sekitar Tasik Titiwangsa menggambarkan sebuah dunia baru bagi masyarakat dan pencapaian Malaysia sempena 50 tahun kemerdekaan.



"Bantuan teknologi canggih membuka dimensi baru dalam penghasilan program selain buktikan Malaysia mampu hasilkan acara bertaraf antarabangsa"

Widyanty Yusope
Pegawai Eksekutif MST AD Suria



GILANG-GEMILANG: Suasana Kompleks Mahkamah Keadilan di Putrajaya pada sambutan Citrawarna Malaysia 2007 baru-baru ini yang menggunakan teknologi projektor pencahayaan lampu.